

SIMBOL TUMBUHAN DALAM PANTUN DARI PERSPEKTIF PUITIKA SASTERA MELAYU

*FLORA SYMBOLISM IN MALAY PANTUN
FROM THE MALAY LITERATURE POETICS
PERSPECTIVE*

Eizah Mat Hussain
Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali
Salinah Jaafar
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Abstrak

Pemikiran masyarakat Melayu yang kreatif dan halus tergambar dalam penciptaan pantun. Pencipta pantun akan menggunakan simbol-simbol yang hampir atau berada di sekeliling mereka. Pantun yang disampaikan mempunyai makna tersurat dan tersirat yang diungkap melalui penggunaan simbol-simbol tertentu dalam pantun. Salah satu simbol yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu ialah simbol tumbuhan yang dekat dengan masyarakat Melayu. Penggunaan simbol tumbuhan dalam pantun merupakan unsur terpenting dalam binaan pantun. Satu daripada prinsip Estetika Pantun oleh Muhammad Haji Salleh, iaitu “kiasan dan saranan” digunakan untuk membincangkan simbol tumbuhan dalam pantun. Oleh yang demikian, objektif kertas kerja ini untuk melihat sejauh mana prinsip kiasan dan saranan sesuai diaplikasikan dalam menghuraikan makna tersirat daripada simbol tumbuhan dalam pantun. Bagi tujuan tersebut, buku *Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001) yang diselenggarakan oleh Harun Mat Piah terbitan Yayasan Karyawan telah dipilih sebagai bahan kajian dalam perbincangan ini. Keindahan dan keharmonian dalam tumbuhan telah diserap ke dalam pantun untuk menimbulkan nilai keindahan pantun. Simbol tumbuhan juga diungkapkan dalam pantun bertujuan memberikan “kiasan dan saranan” sama ada berkaitan dengan nasihat, percintaan, kekecewaan dan sebagainya yang dinyatakan secara simbolik oleh pemantun.

Kata kunci: simbolisme, pantun Melayu, simbol tumbuhan, prinsip estetika pantun, kiasan dan saranan.

Abstract

The creativeness of Malay's thought reflected in their pantun. In creating pantun, they normally use the closest symbols around them. Malay pantun usually denotes implicit and explicit meanings implied through certain usage of symbols. One of the most popular symbols used by Malay community is a flora symbolism. The symbol of flora is the important elements in creating pantun. Muhammad Haji Salleh quatrain aesthetic principles namely "figurative and recommendation" is the most suitable concept to analyse the symbolism of flora in Malay quatrain. Due to that, this article is to justify whether the figurative and recommendation principles are suitable to be applied in describing the implicit and explicit meanings of flora symbolism. For discussion, Pantun Melayu: Bingkisan Permata (2011) book organised by Harun Mat Piah and published by Yayasan Karyawan is chosen. The beauty and harmony of the flora have been absorbed into the pantun to create the beauty of the pantun. Flora symbolism in pantun also intended to provide "figurative and recommendation" related to engagement and marriage ceremony, medication, love, disappointment and others that is stated symbolically by the quatrain reciter.

Keywords: simbolisme, Malay pantun, flora symbolism, pantun aesthetic principles, figurative and recommendation.

Pengenalan

Simbol merupakan satu unsur bahasa yang penting dalam menyampai maksud karya kepada khalayak pembaca. Makna simbol itu tersembunyi dalam kata atau ungkapan yang mempunyai makna tersurat. Penggunaan simbol-simbol tertentu bagi mewakili sesuatu makna atau idea sebenarnya bukanlah dilakukan secara sesuka hati, bahkan keadaan ini mempamerkan kelebihan masyarakat Melayu yang kaya dengan bahan-bahan kiasan yang penuh dengan unsur-unsur simbolik. Turner (1966), mendefinisikan simbol sebagai objek, aktiviti, perhubungan dan ruang dalam situasi upacara adat istiadat, manakala Muhammad Afandi Yahya (1995) menyatakan simbol yang didapati adalah hasil daripada pengaruh sejarah, kehidupan sehari-hari, kepercayaan agama dan alam sekitar.

Oleh sebab itu, simbol memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Proses penciptaan pantun banyak dipengaruhi oleh kemampuan pemikiran dan pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sentiasa berinteraksi dengan alam sekitar. Pantun mempunyai kaitan langsung dan sangat rapat dengan alam semesta, yang mengambil tamsil ibarat serta inspirasi keindahan darinya. Oleh itu, peranan alam sekitar amat penting dalam penciptaan pantun yang telah menjadi santapan minda masyarakat Melayu (Mohd Taib Osman, 1996).

Francois-Rene Dailie (2002) menyatakan bahawa pantun Melayu merupakan intisari kehidupan dan alam yang diibaratkan sebagai sebutir pasir. Dalam pantun tersirat segala elemen kehidupan manusia Melayu termasuklah tentang *tanah, rumah, kebun, sawah padi, sungai, laut, tumbuhan, buah-buahan, binatang, burung, ikan* dan pelbagai perkara kecil yang digunakan dalam kehidupan seharian. Pantun juga digunakan untuk menyatakan tentang adat resam, kebijaksanaan, pelbagai bentuk kepercayaan dan perasaan.

Oleh yang demikian, melalui simbol dalam pantun, terungkap pelbagai falsafah dan pemikiran masyarakat Melayu. Simbol dalam pantun juga memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Pemikiran, keinginan, luahan hati, perasaan dan pengalaman hidup digambar serta disalurkan melalui pantun. Melalui simbol yang terdapat dalam pantun, terpancar minda masyarakat Melayu yang penuh dengan pemikiran dan nilai yang tinggi yang diambil daripada pengamatan terhadap alam terutamanya alam tumbuhan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menganalisis dan mengkaji simbol tumbuhan yang digunakan dalam pantun Melayu. Kajian ini merupakan penelitian terhadap konsep dan menggunakan kaedah kajian pustaka. Bahan kajian diperoleh dari koleksi buku *Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001) yang diselenggarakan oleh Harun Mat Piah dan diterbitkan oleh Yayasan Karyawan. *Pantun Melayu Bingkisan Permata* dipilih kerana pantun yang dimuatkan merupakan hasil dapatan dan himpunan data daripada sumber-sumber perbahanan yang banyak serta terpilih. Antara sumber bahan ialah himpunan dan juga kumpulan, antologi, koleksi pantun yang diterbitkan dan tidak diterbitkan, koleksi peribadi pengarang, hasil kajian penulis dan pengkaji yang terlibat dalam penyelidikan dan juga petikan

daripada karya-karya hikayat. Malah, *Pantun Melayu Bingkisan Permata* ini juga memasukkan pantun-pantun terpilih dari Brunei.

Oleh sebab keistimewaan inilah, *Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001) telah dipilih sebagai bahan kajian dalam perbincangan ini. Objektif kertas kerja ini untuk melihat sejauh mana prinsip kiasan dan saranan sesuai diaplikasikan dalam menghuraikan makna tersirat daripada simbol tumbuhan dalam pantun.

Estetika Pantun Melayu

Pendekatan estetika pantun telah diperkenalkan dan dibincangkan oleh Muhammad Haji Salleh (2000) dalam bukunya *Puitika Sastera Melayu*. Estetika jelas menjadi sebahagian daripada pemikiran kesenian manusia Melayu yang diungkap dalam karya yang berbentuk prosa seperti hikayat mahupun karya yang berbentuk puitis seperti pantun yang mengambarkan keajaiban taman, burung-burung, pantai, istana yang luas dan cantik. Keindahan itu dicari kerana berupaya membawa khalayak kepada satu tahap nikmat yang tinggi dan bayangan luar biasa yang hanya terdapat dalam karya sastera. Melalui karya yang indah, khalayak diberikan pengalaman yang lebih cantik dan halus daripada pengalaman seharian yang dikenali sebagai pengalaman sastera (Muhammad Haji Salleh, 2006:210).

Pelbagai pengalaman yang diungkap dalam karya sastera ini, terutama pantun diperoleh daripada alam hasil daripada pemerhatian yang tekun dan teliti sebagai penghuni alam. Perkara-perkara yang berlaku dalam persekitaran alam seperti pusingan waktu, perjalanan usia dan pantai yang berubah dikutip sebagai cermin makna tabiat alam raya yang dikaitkan dengan keindahan manusia. Unsur-unsur yang diperhatikan dan dikutip inilah dijadikan sebagai nilai dalam kehidupan sosial masyarakat seterusnya dipanjangkan kepada estetikanya dalam pantun (Muhammad Haji Salleh, 2006:216). Muhammad Haji Salleh telah memperkenalkan enam prinsip dalam estetika pantun, iaitu “dunia luas yang dipadatkan”, “dunia berjodoh”, “kiasan dan saranan”, “muzik seiring kata”, “sesuai dan patut” serta “sama ukuran”. Perbincangan ini hanya mengambil dan mengkaji prinsip “kiasan dan saranan” yang amat sesuai digunakan untuk menganalisis pantun.

Prinsip “kiasan dan saranan” merujuk kepada satu nilai keindahan pantun yang membawa kesan dan makna, yang disampaikan

dengan cara tidak langsung atau terus terang serta seiring pula maknanya disembunyikan dalam saranan atau layangan maksud (Muhammad Haji Salleh, 1999). Dalam pantun, dua baris pertama bertugas sebagai pembayang untuk dua baris berikutnya. Dalam pembayang ini, pendengar dipersiapkan bukan sahaja dari segi layangan makna tetapi juga dari segi susunan muzik dan emosi pantun. Muhammad Haji Salleh (2006:220) menyatakan bahawa teknik yang digunakan juga hampir sudah ditetapkan kerana hanya yang halus, peka dan matang dapat digunakan. Dalam bingkai keindahan pantun, alatan kiasan menganugerahkan kekayaan pengalaman, bahasa dan makna. Beliau telah memetik pendapat Za'ba dalam membincangkan kiasan dalam melayangkan tugas metafora ini seperti berikut:

...jika pantun yang cukup oleh boleh dilihat pembayangnya memang mengandungi maksud pantun itu dengan cara kias dan bayangan disambulkan kepada gambaran-gambaran alam dan sebagainya. Tujuan yang dimaksudkan itu telah ada terbayang di situ, tetapi tiada terang seolah-oleh sengaja di tudung...

(Za'ba, 1965)

Za'ba menyatakan teknik utama yang digunakan dalam pantun ialah teknik yang dengan sengaja menyamarkan citra dan makna kerana dalam pemikiran sastera yang lebih samar itu lebih misteri dan lebih mencabar akal fikiran khalayaknya. Kesamaran juga membawa pendengar kepada sempadan *terra incognita* yang merupakan dunia ajaib dan magis. Di sini logika harian diubah menjadi lebih luntur, lebih simpang-siur dan diizinkan mengikut alur imaginasi. Muhammad Haji Salleh (2006) turut menyatakan bahawa hanya beberapa lakaran kecil sahaja ditawarkan dengan suatu gambar yang besar dan rumit. Hal ini meminta pendengar turut serta dan menyumbang dalam memberikan makna baris-barisnya. Inilah tarikan utama bentuk kiasan dan saranan itu.

Teknik kiasan dan saranan dalam pantun hampir menyamai konteks dalam daerah dunia kasih sayang terutama sekali pada peringkat awalnya. Malah, teknik kiasan dan saranan dalam pantun banyak digunakan dalam menyampaikan sesuatu hajat hati sama ada tentang kasih sayang, pertunangan, kesedihan hati, kekecewaan dan lain-lain yang dinyatakan secara kiasan dalam pantun.

Francois-Rene Daillie (2002) pernah membincangkan bahawa dalam pantun pada bahagian pembayang dan maksud, kedua-dua struktur itu ibarat jasad dan roh (*body and soul*). Dalam tradisi Melayu-Islam, jasad dan roh bergabung menjadi satu sebagai manusia, begitulah juga bentuk pantun Melayu. Hal ini diperkuatkan lagi dengan pandangan Braginsky (1998) yang menyatakan bahawa biasanya kedua-dua bahagian pembayang dan maksud, bertalian ibarat kumandang dengan bunyi, iaitu tertaut atas dasar persamaan bunyi. Pembayang atau sampiran juga mempunyai citra-citra dari alam sekitar. Pembayang dan maksud mempunyai pertalian yang erat. Sumber alam yang direnungi dijadikan pembayang, sementara maksud adalah gambaran sebenar hasil renungan dan pemikiran yang ingin disampaikan ke arah pendidikan akal budi. Masyarakat Melayu telah menyatakan kiasan terlebih dahulu dalam pembayang pantun sebelum menyampaikan maksud di bahagian rangkap maksud pantun. Penggunaan kiasan ini sering disandarkan kepada alam yang rapat dan hampir dengan kehidupan sehari-hari masyarakat sendiri. Inilah yang memberikan nilai keindahan kepada penciptaan pantun.

Simbol Tumbuhan dalam Pantun

Penggunaan simbol tumbuhan dalam pantun menjadi sumber perlambangan yang terpenting. Perkara ini dilakukan oleh pemantun dengan cara menggunakan imej sebatang pokok atau bahagian tertentu daripada sebatang pokok seperti daun, bunga, akar, dahan, ranting, buah, bilah, duri dan tangkai untuk membawa sesuatu maksud atau menyampaikan makna puisi mengikut sifat dan fungsi bahagian berkaitan. Selain itu, pemantun juga menggunakan pelbagai jenis tumbuhan seperti rumput, kiambang, terantai, lalang, padi, lumut, dedalu yang dikaitkan dengan kehidupan dan perlakuan manusia (Zurinah Hassan, 2010: 39).

Menurut Muhammad Haji Salleh (2006: 16) masyarakat Melayu yang menjalani kehidupan di dalam alam boleh juga dikatakan sebagai ‘manusia ialah alam’. Masyarakat Melayu hidup di dalam ‘ruang alam’, iaitu tinggal di tepi sungai, di tepi pantai, tepi bukit, lembah, tepi hutan, pinggir paya dan sebagainya yang mencari rezeki di sekitar kawasan hutan, sungai, laut, paya dan bukit. Untuk mencari rezeki, mereka perlu mengenali ruang alam di sekeliling kawasan dengan mendalam. Pengetahuan yang mendalam terhadap alam tumbuhan mewujudkan keakraban antara manusia dengan alam, seterusnya dapat mempelajari sifat-sifat alam tumbuhan. Contohnya, untuk mengetahui sungai yang

mempunyai ikan, perlulah mengetahui cara aliran sungai, paya berlubuk atau berumput dan jenis pokok yang menjadi makanan ikan tersebut. Masyarakat bukan sahaja perlu mengetahui nama pokok, tetapi sifat, rasa buahnya dan sekiranya belum mempunyai nama perlulah dinamakan pokok tersebut. Dengan itu, masyarakat mempelajari kejadian alam melalui pemerhatian yang teliti terhadap tumbuhan, iaitu daripada sekecil-kecil tumbuhan sehingga kepada yang bersaiz besar. Hal ini amat penting dipelajari demi meneruskan *survival* dan melestarikan sebuah kehidupan di alam ini.

Pengetahuan tentang alam ini adalah bersifat kolektif dan akumulatif. Terkandung di dalamnya adalah perkongsian pengetahuan bersama dan akan diwarisi melalui beberapa generasi alam (Muhammad Haji Salleh, 2006: 16). Pengetahuan masyarakat Melayu tentang alam tumbuhan mengajar dan memberikan pengetahuan tentang kenyataan alam dan kenyataan manusia juga. Semua perkara yang terjadi kepada alam tumbuhan akan dibaca sebagai pengajaran yang boleh dipindahkan maknanya kepada dunia dan nasib manusia. Apabila masyarakat Melayu mula mencipta pantun, maka pengetahuan berkaitan dengan alam tumbuhan akan diadunkan dengan indah bagi mengambarkan pengiktirafan bahawa pentingnya alam sekeliling mereka pada rangkap pantun (Haryati Syafii, 2010). Hal ini jelas menunjukkan bahawa pencipta pantun begitu mengetahui akan alam sekelilingnya dengan meletakkan simbol tumbuhan dalam pantun.

Selain itu, tujuan simbol tumbuhan dalam pantun itu mempunyai maksud tersendiri yang hendak disampaikan kepada khalayak pendengar. Simbol tumbuhan ini mempunyai kiasan dan saranan kepada makna sesuatu dan kadang-kadang tidak mewakili sebarang makna, tetapi berfungsi sebagai unsur keindahan dalam rima penciptaan pantun. Penelitian yang dibuat terhadap koleksi pantun yang dipilih mendapati simbol tumbuhan dalam fungsinya sebagai “kiasan dan saranan” dalam percintaan, adat istiadat dan berbudi. Berikut adalah analisis kajian maksud-maksud yang tersirat daripada simbol tumbuhan dalam pantun.

Percintaan

Pantun kasih sayang dicipta dalam masyarakat Melayu ketika berputiknya rasa kasih sayang antara teruna dengan dara. Dalam masyarakat Melayu dahulu, perasaan ini bermula daripada pertemuan yang kebiasaannya secara tidak sengaja, contohnya ketika menuai padi,

membajak, menggalla dan menyisir sawah. Pemuda dan gadis akan berjumpa ketika gadis menyediakan makanan kepada pemuda-pemuda yang bekerja. Selain itu, pertemuan juga mungkin berlaku ketika menjalankan kerja-kerja gotong-royong untuk majlis perkahwinan dan kenduri-kendara (Amat Juhari Moain, 2008: 86). Dari situlah bermula perkenalan dan cinta berputik yang akan menghasilkan pantun untuk menyatakan hasrat hati.

Lembut lemak sisi bembam,
Terentak ikan letak di paya;
Lemak lemah sirih digenggam,
Hendak diujuk emaknya ada.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001:569)

Pantun tersebut membawa maksud pemantun seorang lelaki yang ragu-ragu untuk menyampaikan niat hati kepada gadis yang diminati kerana ibu gadis turut berada bersama mereka ketika itu. Ungkapan sirih dalam pantun melambangkan gadis atau kekasih yang telah diminati dan suka sama suka tetapi tidak dapat bertegur sapa kerana terdapat halangan daripada ibu gadis yang dicintainya. Hal ini yang menyebabkan pemuda tersebut menjadi ragu-ragu untuk menyampaikan hasrat hatinya, maka hasrat hati pemuda terus terpendam. Gambaran ini turut diperlihatkan dalam pantun berikut:

Batang gelam batang kenanga,
Sena tumbang menimpa pundung;
Kumbang mengidam nak seri bunga,
Bunga kembang di puncak gunung.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001: 290)

Pantun tersebut membawa maksud seorang lelaki mengalami kesukaran dalam memikat gadis yang disukainya. Perkara ini digambarkan melalui ungkapan bunga yang melambangkan gadis yang sukar dipikat kerana keadaan gadis yang lebih tinggi daripada seorang lelaki. Lelaki dalam pantun tersebut dinyatakan dalam simbol seekor kumbang. Seekor kumbang tidak mampu terbang tinggi sehingga ke puncak gunung untuk mendapatkan madu pada bunga. Oleh itu, ungkapan kumbang mewakili lelaki yang mengalami kesukaran dalam memikat gadis idaman yang disimbolkan kepada bunga kerana gadis

mempunyai kelebihan berbanding lelaki. Kelebihan ini sama ada dari segi taraf kedudukan, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Sifat keraguan yang dialami oleh pemuda dalam menyatakan hasrat hati turut diperlihatkan oleh masyarakat Melayu dalam pantun berikut:

Jangan dikait buah pinang,
Entah berbuah entah tidak;
Kalau dibawa sirih pinang,
Entah diterima entah tidak.

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2001:325)

Penggunaan sirih pinang dalam pantun tersebut menjadi lambang menghulurkan tanda persahabatan dan pengikat hubungan yang akan dilangsungkan. Ikatan perhubungan yang dihulurkan menjadi tanda tanya kepada pemantun sama akan diterima atau tidak. Namun, pemantun telah menggunakan simbol sirih pinang yang menjadi kiasan bahawa pemantun dengan penuh ikhlas dan rendah diri ingin menjalinkan perhubungan walaupun timbul perasaan dalam hati sama ada akan diterima atau tidak. Pantun di atas jelas menunjukkan penggunaan simbol sirih pinang sebagai kiasan menentukan sesuatu hajat yang diingini oleh pemantun. Malah, sirih pinang dalam budaya masyarakat Melayu juga membawa kiasan terhadap satu hubungan yang lebih kekal yang biasanya membawa maksud meminang. Dalam adat peminangan, pihak lelaki akan membawa sirih junjung dan akan dibalas dengan sirih junjung juga oleh pihak perempuan. Sirih junjung memberikan kiasan dan saranan dalam hal penghormatan dan kasih sayang antara pasangan. Imej sirih junjung juga melambangkan kasih sayang pihak lelaki kepada pihak perempuan dan sebaliknya (Ahi Sarok, 2005: 20).

Di samping itu, masyarakat Melayu juga menggunakan pantun dalam memuji pasangan lelaki dan perempuan yang sama cantik dan sama padan. Tujuan pujian itu diberikan untuk menandakan pasangan tersebut bertemu jodoh yang sama padan dan sesuai. Hal ini digambarkan melalui pantun berikut:

Burung jelatik burung jeladan,
Mencari sarang burung tempua;

Sama cantik sama padan,
Seperti pinang dibelah dua.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001:387)

Ungkapan pinang dibelah dua dalam pantun tersebut merupakan kiasan kepada pasangan lelaki dan perempuan yang sepadan. Apabila sebiji pinang dibelah menjadi dua bahagian, akan terhasillah dua bahagian yang mempunyai rupa yang sama. Oleh itu, simbol pinang dalam pantun merupakan kiasan kepada pasangan lelaki dan perempuan yang memiliki kecantikan dan kesepadan yang sama.

Dalam percintaan, pasangan juga mengalami halangan-halangan yang menghalang percintaan daripada bersatu. Perkara ini dapat dilihat dalam pantun berikut:

Pukul gendang tiup serunai,
Raja berangkat ke seberang;
Putih mata si burung punai,
Kayu ara ditunggu helang.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001:513)

Simbol kayu ara dalam pantun tersebut merupakan kiasan kepada perempuan. Kayu ara dalam pantun telah ditunggu oleh seekor burung helang yang menyebabkan burung punai hanya berputih mata melihat gadis pujaan sudah mempunyai pasangan yang menanti. Simbol burung punai dalam pantun merupakan kiasan kepada lelaki yang meminati seorang gadis yang sudah mempunyai pasangan yang dikiaskan melalui simbol burung helang. Oleh itu, maksud pantun tersebut ialah lelaki yang gagal memperolehi gadis idaman yang telah dimiliki terlebih dahulu oleh orang lain.

Pantun telah digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menyampaikan kisah cinta berputik, hasrat hati, cinta tercapai dan halangan dalam percintaan antara lelaki dengan perempuan. Masyarakat Melayu banyak menggunakan simbol haiwan dan tumbuhan untuk menyatakan sesuatu perkara dalam percintaan yang disampaikan melalui bentuk kiasan.

Adat Istiadat

Budaya hidup masyarakat Melayu amat mementingkan adat-istiadat dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Terdapat pepatah Melayu yang berbunyi “biar mati anak, jangan mati adat”. Ini menunjukkan bahawa adat merupakan satu lambang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu (Hani Azlina Kastolani, 1992). Penyataan mengenai adat istiadat diungkapkan dalam pantun lazimnya menjadi perantaraan dalam majlis-majlis ada istiadat masyarakat Melayu, misalnya majlis merisik, pertunangan, perkahwinan (akad nikah) atau dalam pembukaan sesuatu upacara tertentu (Mohd Rashid Md Idris, 2011:163).

Adat istiadat perkahwinan masyarakat Melayu bermula dengan adat merisik. Merisik ialah satu kaedah dalam perkahwinan Melayu untuk meninjau atau memastikan sama ada seseorang gadis itu sudah pun berpunya atau pun tidak (Yaacob Harun, 1995:126). Dalam upacara merisik, masyarakat Melayu menggunakan pantun sebagai perantaraan untuk menyatakan tujuan atau hasrat kedatangan. Hal ini digambarkan dalam pantun berikut:

Keris ini keris sempana,
Pakaian anak raja Kelantan;
Sirih ini sirih bertanya,
Adakah tuan menaruh intan?

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2001:337)

Pantun tersebut disampaikan oleh tetamu kepada tuan rumah untuk bertanya sama ada tuan rumah mempunyai anak gadis atau tidak. Pantun tersebut merupakan permulaan perbualan untuk merisik gadis dengan penuh simbolik. Perkara ini kerana dalam masyarakat Melayu amat mementingkan budi bahasa dan kesopanan dalam tutur kata dalam menyampaikan sesuatu hajat. Oleh itu, tujuan kedatangan akan dinyatakan secara berkias melalui pantun. Kiasan yang digunakan melalui ungkapan ‘sirih ini sirih bertanya’ merupakan pembuka kata dalam menyampaikan maksud tujuan pemantun yang ingin bertanya sesuatu kepada tuan rumah. Simbol sirih di sini mewakili pihak yang datang meminang.

Simbol sirih, iaitu sirih bertanya adalah sirih yang dihantar oleh pihak lelaki yang diwakili oleh keluarganya atau kenalan rapat ke rumah gadis yang dihajati. Sekiranya sirih bertanya tidak dikembalikan oleh

keluarga gadis bermaksud belum berpunya dan setuju menerima risikan tersebut. Sekiranya sirih bertanya dipulangkan bermaksud gadis belum bersedia menerima pinangan ataupun telah berpunya (Kadir Othman, 1985). Fungsi sirih bertanya ini amat penting dalam adat merisik yang disampaikan secara kiasan tujuan dan hasrat hati daripada pihak lelaki serta persetujuan daripada pihak perempuan. Hal ini kerana sirih bertanya ini memainkan peranan dalam penolakan dan persetujuan daripada pihak perempuan yang dapat mengelak perasaan malu kepada pihak lelaki sekiranya berlaku penolakan daripada pihak perempuan. Hal ini jelas menunjukkan sirih digunakan dalam adat istiadat peminangan dalam masyarakat Melayu.

Masyarakat Melayu yang sangat mementingkan adat dalam memulakan sesuatu perbualan atau bercakap turut menggunakan pantun dalam memulakan perbualan. Hal ini dapat dilihat dalam pantun berikut:

Sepinang dua pinang,
Habis pinang dalam raga;
Sudah dimakan sirih pinang,
Apa cerita mahu dibuka?

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001:93)

Pantun tersebut disampaikan dalam masyarakat Melayu sebagai tanda memulakan rundingan atau perbincangan yang akan diadakan. Pada rangkap maksud ‘sudah dimakan sirih pinang’ menandakan pemantun telah menjamah sirih pinang yang disediakan. Penyediaan sirih pinang dalam masyarakat Melayu dahulu melambangkan persahabatan serta sebagai langkah awal melayani tetamu yang bertandang ke rumah. Sambil ‘bersempang’ di anak tangga atau di beranda rumah, sirih dikunyah seiring dengan kerancakan perbualan yang menjadi amalan masyarakat Melayu (Torek Sulong, 1989: 120). Oleh yang demikian, simbol sirih pinang dalam pantun merupakan kiasan amalan kesantunan dan kesopanan masyarakat Melayu sebelum memulakan sesuatu perbicaraan atau perbincangan dalam adat meminang.

Sirih pinang yang disediakan itu dikenali sebagai tepak sirih yang mengandungi sirih, pinang, kapur, gambir dan tembakau. Tepak sirih akan dihidangkan atau dihulurkan terlebih dahulu sebelum makanan lain kepada tetamu sebagai tanda persaudaraan dan persahabatan. Tetamu perlu menerima hidangan tersebut sebagai tanda

kesudian kerana huluran tepak sirih oleh tuan rumah melambangkan keinginan untuk menjalankan hubungan. Tetamu pula perlu menerima huluran tepak sirih sebagai tanda berbesar hati dengan keraian tuan rumah (Jeniri Amir, 2005: 11). Simbol sirih pinang dalam pantun merupakan kiasan kesantunan dan kesopanan masyarakat Melayu antara tuan rumah dan tetamu. Penyediaan tepak sirih oleh tuan rumah menunjukkan keramahan, kerendahan hati dan kesudian tuan rumah dengan kehadiran tetamu (Mohd Amin Arshad, 1983).

Selain itu, masyarakat Melayu hidup bersandarkan kepada adat yang diwarisi turun-temurun. Sesuatu nasihat atau pesanan turut diturunkan dari satu generasi ke generasi menerusi pantun. Dalam pantun turut dinyatakan adat resam kehidupan disuarakan oleh masyarakat Melayu untuk menjadi rujukan dan teladan generasi muda. Contohnya:

Ikan berenang di dalam lubuk,
Ikan belida dadanya panjang;
Adat pinang pulang ke tampuk,
Adat sirih pulang ke gagang.

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2001:84)

Pantun tersebut jelas menunjukkan resam alam semula jadi, iaitu pinang dan sirih yang masing-masing berasal dari tampuk dan gagang. Gambaran pinang dan sirih pulang ke tempat asal masing-masing menggambarkan adat resam kehidupan seorang perantau yang pulang ke tempat asal setelah keluar merantau ke tempat lain. Melalui pemerhatian yang tajam, masyarakat Melayu telah mengambil peraturan-peraturan alam menjadi adat yang disampaikan secara kiasan kepada masyarakat. Perkara ini menggambarkan keakraban masyarakat Melayu dengan alam sekeliling. Alam turut memberi inspirasi, ilham dan idea dalam menyampaikan sesuatu perkara kepada masyarakat Melayu yang dikiaskan kepada alam tersebut.

Selain itu, masyarakat Melayu menggunakan simbol alam dalam komunikasi dengan raja atau pembesar. Dalam masyarakat Melayu, adat ketika mengadap raja ialah mereka tidak dibenarkan bercakap kasar, keras, menjerit, menengking atau berkelakuan bengis sama ada rakyat biasa atau pembesar. Sebaliknya, ketika mengadap raja, mereka perlulah bersuara dengan lemah lembut dan berkelakuan sopan santun tanda menghormati raja sebagai ketua negara (Syed Alwi Sheikh Al-Hadi,

1980: 59). Adat ketika mengadap raja digambarkan dalam pantun berikut:

Limau purut jatuh ke lembah,
Tiba di lembah tumbuhlah duri;
Pinang mengadap sirih menyembah,
Jari sepuluh menjunjung duli.

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2001:11)

Putih cahaya si kunang-kunang,
Terbang hinggap ke dahan kayu;
Di antara sirih beradat pinang,
Di jari sepuluh sembah selalu.

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2001:92)

Pantun-pantun tersebut dituturkan ketika upacara rakyat mengadap raja. Penggunaan ungkapan sirih dalam pantun tersebut dikiaskan kepada masyarakat Melayu itu sendiri yang mementingkan adat dalam kehidupan. Hal ini kerana sirih amat sebatи dengan kehidupan dan adat resam masyarakat Melayu sehingga tidak hairanlah sirih turut diungkapkan dalam pantun ketika mengadap raja. Dalam istiadat persembahan raja, ungkapan sirih dalam pantun membawa maksud kesediaan merendah diri dan memuliakan orang lain (Jeniri Amir, 2005: 10). Masyarakat Melayu yang amat menghormati raja dan sultan akan sentiasa merendahkan diri sebagai hamba di hadapan raja. Oleh itu, ungkapan sirih dalam pantun merupakan simbol masyarakat Melayu yang merendah diri dan sangat menghormati raja sebagai ketua negara.

Masyarakat Melayu telah menyuarakan adat-istiadat yang diamalkan melalui pantun sama ada yang bersifat formal atau tidak. Adat yang diamalkan itu telah dikiaskan kepada resam alam semulajadi yang berada di sekeliling dan yang rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu. Perkara ini jelas dapat dilihat melalui simbol-simbol alam yang digunakan dalam pantun yang menggambarkan adat-istiadat masyarakat Melayu seperti adat menyadap raja, adat merisik, adat menyambut tetamu dan sebagainya.

Berbudi

Berbudi merupakan sikap pemurah dan berbuat baik kepada orang lain. Sifat ini adalah suatu nilai yang terpuji dalam masyarakat Melayu. Seseorang yang menerima kebaikan daripada orang lain diibaratkan sebagai termakan atau terhutang budi dan perlu membalaunya kembali. Masyarakat Melayu yang mengamalkan berbalas budi telah melahirkan semangat kerjasama, tolong-menolong dan saling bantu-membantu untuk kebaikan bersama (Mohd Rashid Idris, 2011: 193). Zainal Kling (1995) berpendapat bahawa manusia Melayu melihat rupa dan paras jiwa itu berbentuk budi iaitu satu peribadi yang mengandungi akal dan rasa. Konsep budi sebagai alam jiwa terdapat di dalam gagasan budaya Melayu yang menjadi struktur dalaman masyarakat Melayu.

Masyarakat Melayu telah menggunakan pantun untuk memerihalkan tentang keperluan berbudi yang merujuk kepada kepentingan berbudi dalam masyarakat. Hal ini dapat dilihat dalam petikan pantun berikut:

Sirih pinang berpinang tidak,
Pinang ada di bawah tangga;
Makan sirih mengenyang tidak,
Tapi tanda budi bahasa.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001:119)

Pantun tersebut menggambarkan masyarakat Melayu yang mementingkan nilai budi bahasa yang tinggi. Perkara ini dapat dilihat pada bahagian maksud pantun ‘makan sirih mengenyang tidak’ yang bermaksud sirih yang dimakan tidak mengenyangkan sebaliknya sirih berfungsi sebagai kudapan selepas makan nasi. Walaupun sirih yang dimakan tidak mengenyangkan tetapi akan dijamah oleh tetamu jika dihulurkan sirih sebagai tanda budi bahasa dalam masyarakat Melayu. Sebab itulah keseluruhan maksud terpancar pada rangkap terakhir pantun, iaitu ‘tapi tanda budi bahasa’. Dalam masyarakat Melayu, sebagai tanda berbudi bahasa tuan rumah akan menghulurkan tepak sirih kepada tetamu. Bagi tetamu pula kewajipan menyambut tepak sirih dan memakan sirih itu tanda persaudaraan. Hidangan tepak sirih di sini dianggap sebagai meraikan dan tanda rasa besar hati kerana dikunjungi tetamu atau keluarga (Norhayati Mohd Said, 1983: 2). Oleh itu, hidangan sirih oleh tuan rumah kepada tetamu jelas memperlihatkan perhubungan dan persaudaraan yang erat dalam masyarakat Melayu

yang sangat menghormati serta mengalu-alukan kedatangan tetamu ke rumah.

Masyarakat Melayu amat mementingkan amalan berbudi dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Namun, terdapat juga sesetengah masyarakat yang tidak mengamalkan sifat berbudi dalam kehidupan. Seseorang yang tidak berbudi juga membawa pengertian tidak tahu adat dan perlakuan demikian dianggap kurang ajar. Oleh itu, untuk menyindir golongan ini masyarakat Melayu membuat kiasan melalui pantun. Hal ini dapat dilihat dalam pantun berikut:

Burung pipit burung kedidi,
Hingga di pokok di tepi sawah;
Jika hidup tidak berbudi,
Ibarat pokok tidak berbuah.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001:109)

Cahaya hidup menyegar padi,
Ayam berkukok mengikut tuah;
Jikalau hidup tidak berbudi,
Umpama pokok tidak berbuah.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001:110)

Pantun-pantun tersebut membawa makna seseorang yang tidak mengamalkan sifat berbudi dalam kehidupan sehari-hari yang digambarkan seperti “pokok yang tidak berbuah”. Sifat berbudi dalam pantun diibaratkan seperti seohon pokok yang hidup subur. Hal ini kerana pokok yang ditanam yang tidak memberikan hasil kepada petani dianggap sebagai pokok yang tidak berguna. Sebaliknya seohon pokok yang berguna adalah pokok yang dapat menghasilkan buah dan memberi manfaat kepada petani. Keadaan ini kerana seohon pokok yang ditanam oleh petani dijaga dengan baik supaya dapat menghasilkan buah yang memberikan manfaat kepada usaha penat lelah petani. Simbol pokok dalam pantun tersebut jelas merupakan kiasan kepada seseorang yang tidak berbudi kepada masyarakat seperti pokok yang tidak berbuah.

Dalam masyarakat Melayu, seseorang yang telah berbudi kepada orang lain akan sentiasa dikenang. Biarpun budi itu sangat kecil pada pandangan sesetengah pihak, namun bagi orang yang menerima budi tersebut keluhuran budi itu tetap dihargai. Contohnya:

Hari petang nampaknya teduh,
Orang berjalan sebelah kiri;
Pokok ditanam kalau tumbuh,
Harapkan buah balasan budi.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001:113)

Pantun tersebut membawa maksud setiap perbuatan baik itu pasti akan ada balasnya jika dibuat dengan ikhlas. Simbol pokok dalam pantun merupakan kiasan kepada seseorang yang telah berbudi. Simbol buah pula merupakan kiasan kepada balasan atau hasil berbudi dalam kehidupan. Seseorang yang berbudi kepada orang lain tidak seharusnya mengharapkan budinya itu dibalas. Namun sebaliknya, orang yang menerima budi tersebut akan sentiasa mengingati orang yang telah berbudi kepadanya. Jelaslah pantun tersebut menyarankan kepada masyarakat supaya berbudi kepada orang lain kerana perbuatan tersebut akan membawa hasil pada masa hadapan.

Di samping itu, masyarakat Melayu sentiasa diingatkan supaya tidak melupakan budi yang telah diberikan oleh seseorang. Walaupun orang yang memberikan budi itu tidak mengharapkan balasan tetapi orang yang menerima budi perlulah sentiasa mengingat budi itu. Hal ini digambarkan oleh masyarakat Melayu dalam pantun berikut:

Kenapa tuan suka membeli,
Buah peria memangnya pahit;
Memang dia tak mengenang budi,
Bagai kacang lupakan kulit.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001:118)

Pantun tersebut menyindir seseorang yang tidak mengenang budi setelah mencapai kejayaan dalam kehidupan. Simbol kacang dalam pantun diibaratkan kepada seseorang yang tidak mengenang budi. Perkara ini berbalik kepada sifat kacang itu, iaitu apabila sudah tumbuh membesar akan menjalar meninggalkan kulit asalnya. Kulit yang sebelum ini menaburkan bakti melindungi kacang daripada ancaman luar telah dilupakan selepas kacang sudah menjadi pokok kacang. Oleh yang demikian, simbol kacang dalam pantun merupakan kiasan kepada seseorang yang telah melupakan orang yang berbudi kepadanya selepas mencapai kejayaan.

Selain itu, masyarakat Melayu menyarankan dan mengingatkan masyarakat supaya tidak melupakan orang yang telah berbudi. Sebaliknya, orang yang telah berbudi itu perlulah sentiasa diingati jasa dan budinya.

Jentayu burung jentayu,
Hinggap di balik pohon mayang;
Bunga kembang akhirnya layu,
Budi baik bilakan hilang.

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2001:114)

Maksud pantun tersebut ialah berkaitan dengan perbuatan berbudi yang akan sentiasa diingati dan berkekalan dalam ingatan orang yang menerima budi tersebut. Dalam rangkap maksud menerangkan walaupun bunga yang cantik dan berbau harum sentiasa menarik perhatian tetapi akan layu juga apabila sampai masanya. Simbol “bunga” dalam pantun merupakan kiasan kepada kecantikan luaran seseorang yang dijaga dengan rapi akhirnya akan hilang juga bersama dengan kematian yang akan dilalui. Berlainan pula dengan budi baik yang dilakukan kepada orang lain tidak akan hilang sebaliknya akan sentiasa diingati. Walaupun orang yang berbudi sudah meninggal dunia, tetapi budi yang ditaburkan sebelumnya akan sentiasa menjadi sebutan dan diingati oleh individu yang telah menerima budinya.

Persoalan budi dalam masyarakat Melayu terbentuk dalam berbagai-bagai aspek kehidupan yang terpancar melalui pantun. Pantun menyarankan masyarakat Melayu berbudi agar melahirkan peribadi yang baik dan menjadi anggota masyarakat yang dipandang tinggi dan dimuliakan dalam masyarakat. Dalam masyarakat Melayu, seseorang yang mempunyai nilai budi sangat disanjung tinggi. Perkara ini kerana budi melambangkan penting ketinggian keperibadian seseorang.

Kesimpulan

Masyarakat Melayu menyampaikan sesuatu nasihat dan pengajaran kepada perantau yang sedang berada di perantauan melalui kiasan dan saranan dalam pantun. Kiasan dan saranan ini disampaikan melalui simbol tumbuhan seperti bunga, jagung, sagu, sirih dan pinang. Tujuan kiasan dan saranan disampaikan dalam pantun melalui simbol tumbuhan dan haiwan memperlihatkan kesantunan dan kesopanan masyarakat

Melayu dalam memberikan nasihat dan tunjuk ajar terutama kepada generasi muda.

Pantun juga berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan perasaan seperti bagaimana cinta berputik, keinginan hati, cinta tercapai dan halangan dalam percintaan antara lelaki dan perempuan. Semua keinginan ini tidak dinyatakan secara langsung sebaliknya melalui kiasan dan saranan dalam bentuk simbol dalam pantun. Antara simbol tumbuhan yang digunakan ialah sirih, bunga, asam dan pinang.

Selain itu, masyarakat Melayu juga turut menggunakan kiasan dan saranan dalam menyatakan adat istiadat yang diamalkan sama ada yang bersifat formal atau tidak melalui pantun. Antaranya adat mengadap raja, adat merisik dan adat menyambut tetamu yang diamalkan dalam masyarakat Melayu. Adat istiadat ini dinyatakan secara kiasan dan saranan melalui penggunaan simbol tumbuhan iaitu sirih dan pinang.

Selain itu, kemuliaan berbudi dan kepentingan berbudi yang perlu diamalkan dalam masyarakat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang saling hormat-menghormati turut diamalkan dalam pantun. Perihal kemuliaan dan kepentingan berbudi disampaikan secara kiasan dan saranan dalam penggunaan simbol tumbuhan dalam pantun seperti pokok, sirih, kacang, buah delima dan bunga.

Kesimpulannya, jelaslah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menyampaikan kiasan dan saranan melalui simbol yang digunakan dalam pantun mempunyai makna-makna tertentu dalam masyarakat Melayu. Penggunaan simbol tumbuhan yang terpilih dalam pantun mempunyai hubungan kiasan dan saranan yang sangat rapat dengan masyarakat Melayu sehingga mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, wujudlah hubungan intim antara masyarakat Melayu dengan alam tumbuhan sehingga mempengaruhi penciptaan pantun yang berkaitan dengan adat, perlakuan, kepercayaan dan pegangan hidup masyarakat Melayu.

Bibliografi

- Ahi Sarok. (2005). Menjunjung Sirih. dlm. *Dewan Budaya* (Ogos, pp. 20-21). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. (2008). *Pemilihan Kata Dalam Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky V.I. (1994). *Erti Keindahan Dan Keindahan Erti Dalam Kesusastraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky V.I. (1998). *Yang Indah Berfaedah Dan Kamal* (Hersri Setiawan, Trans.). Leiden: Universiti Leiden.
- Daillie, Francois-Rene. (2002). *Alam Pantun Melayu: Studies On The Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hani Azlina Kastolani. (1992). *Sirih Suatu Penemuan Falsafah Di Alam Melayu*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Harun Mat Piah. (2001). *Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Haryati Shafii. (2010). “Kelestarian Alam Dalam Seni Budaya Melayu: Pantun Sebagai Bayangan Falsafah Alam” dlm. *Seminar Sebahitera*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jeniri Amir. (2005). “Sirih Pinang Pembuka Bicara”. dlm. *Dewan Budaya*, (Ogos, pp. 10-12). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kadir Othman. (1985). “Sirih Alat Menyatakan Perasaan Yang Simbolik”. dlm. *Berita Minggu* (14 April).
- Mohd Amin Arshad. (1983). “Sirih Kini Hanya Menjadi Alat Perantaraan”. dlm. *Berita Harian* (30 April).
- Mohd Rasyid Md. Idris. (2011). *Nilai Melayu Dalam Pantun*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Taib Osman. (1996). Pantun Sebagai Pencerminan Minda Melayu. dlm. Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (Ed.), *Pantun: Manifestasi Minda Masyarakat* (pp. 1-15). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Muhammad Afandi Yahya. (1995). *Simbolisme Dalam Seni Bina Rumah Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Haji Salleh. (1999). *Menyeberang Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). “Dalam Daun Ada Bicara: Falsafah Alam Pantun Melayu” dlm. Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias. *Pandangan Alam Semesta Melayu Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Ali. (2002). *Alam Tumbuhan, Siri Penghayatan Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Norhayati Mohd. Said. (1983). Sirih Pinang Lambang Daun Budi Masyarakat Melayu. dlm. *Sirih Pinang Kumpulan Esei Budaya* (pp. 1-3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Alwi Sheikh al-Hadi. (1980). *Adat Resam Melayu dan Adat Istiadat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Torek Sulong. (1989). “Sirih Mentafsir Seribu Makna”. dlm. *Jelita*. (Mac, pp. 120).
- Yaacob Harun. (1995). *Kekeluargaan Dan Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Za’ba. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan. (2010). *Unsur Alam Dalam Puisi Melayu Modern*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.